

Diserahkan: 23 Disember 2025 Diterima : 20 Februari 2026 Atas Talian: 30 Mac 2026

APLIKASI ISTIQRA' DALAM PENENTUAN URUF PEMAKAIAN EMAS BAGI PENETAPAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI MALAYSIA

THE APPLICATION OF ISTIQRA' IN DETERMINING THE CUSTOM
(*URF*) OF GOLD JEWELRY FOR THE ASSESSMENT OF ZAKAT ON
GOLD JEWELRY IN MALAYSIA

^{i*}Syakirah Zahar, ⁱⁱMohd Fauzi Abu@Hussin, ⁱⁱⁱJuhazren Junaidi, ^{iv}Aminudin Hehsan, ^vWan AhmadAslam Wan Mohd Shukri, ^{vi}Mohd Hafiz Mohd Dasar

ⁱ Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR), Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur

^{i-v} Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor

^v Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor

Corresponding Author; e-mail: * syakirah.zahar@graduate.utm.my

DOI: <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v6.368>

ABSTRAK

Penentuan zakat emas perhiasan merupakan isu fiqh yang melibatkan kepelbagaian pandangan ulama serta variasi adat dalam kalangan masyarakat Islam. Malaysia memperlihatkan perbezaan ketara dalam corak pemakaian emas antara negeri, menjadikan penetapan kadar uruf penting dalam menentukan kewajipan zakat emas perhiasan. Kajian ini melihat kepada aplikasi *istiqra'* bagi mengenal pasti uruf pemakaian emas perhiasan dalam masyarakat Malaysia. Melalui penelitian terhadap dalil syarak, pandangan fuqaha serta dokumen institusi zakat negeri dan data lapangan, kajian ini menghuraikan peranan *istiqra'* sebagai pendekatan induktif yang menghimpunkan data adat dan realiti sosial sebelum dirumuskan sebagai dasar hukum. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kaedah *istiqra'* menjadi pendekatan teras dalam pentarjihan hukum kontemporari, selaras dengan maqasid syariah dan prinsip *taghayyur al-fatwa bi taghayyur al-zaman wa al-makan*. Kajian ini juga memberikan asas metodologi kepada institusi zakat negeri dalam merangka penetapan kadar uruf yang lebih telus dan berasaskan realiti setempat, serta membantu meningkatkan keseragaman kefahaman masyarakat. Kajian mencadangkan pewujudan garis panduan nasional bersifat kerangka bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tanpa menjejaskan fleksibiliti adat negeri.

Kata Kunci: Istiqra', uruf, emas perhiasan

dizakatkan atau termasuk dalam kategori keperluan yang diharuskan penggunaannya tanpa kewajipan zakat (Ibn Qudamah, 2003; Az-Zuhaili, 2021). Kepelbagaian pendapat ini berpunca daripada perbezaan pendekatan ulama dalam memahami dalil-dalil al-Quran, hadis, amalan para sahabat serta pengaruh adat setempat yang berubah-ubah (Md. Ariffin, 2016).

Dalam konteks Malaysia, isu zakat emas perhiasan menjadi lebih signifikan kerana kadar pemakaian emas perhiasan berbeza mengikut negeri yang dipengaruhi oleh faktor budaya, sosioekonomi dan tradisi tempatan (Aziz et al., 2025; Md. Ariffin, 2016). Justeru, penentuan kadar uruf emas perhiasan memainkan peranan penting dalam menentukan kewajipan zakat. Di sinilah kaedah *istiqra'*, iaitu pendekatan induktif dalam usul fiqh digunakan dalam menghasilkan garis panduan hukum yang lebih menyeluruh, praktikal dan selari dengan maqasid syariah (Al-Shatibi, 2003; Al-Subki, 1983; Aziz et al., 2025; Makhsin et al., 2021).

ZAKAT EMAS PERHIASAN

Zakat emas perhiasan merupakan salah satu cabang zakat harta yang berkait rapat dengan amalan masyarakat Islam, khususnya wanita (Al-Qaradawi, 2006; Al-Zuhaili, 2021). Perbahasan utama dalam isu ini berkisar pada penentuan kadar uruf yang menentukan sama ada sesuatu perhiasan itu wajib dizakatkan atau tidak (Md Ariffin, 2016; Nordin et al., 2018). Uruf memainkan peranan penting kerana ia menilai adat dan kebiasaan masyarakat terhadap kadar pemakaian emas (Rosele et al., 2019; JAWHAR, 2024). Kaedah *istiqra'* pula diaplikasikan untuk meneliti pelbagai realiti adat masyarakat sebelum menghasilkan satu ketetapan hukum yang adil dan bersifat menyeluruh (Al-Amidi, 2003).

Dalam perbincangan fiqh zakat, emas perhiasan biasanya terbahagi kepada dua kategori utama. Pertama ialah emas pakai, iaitu emas yang digunakan sebagai perhiasan oleh kaum wanita dalam kehidupan seharian atau pada majlis tertentu. Kedua ialah peralatan rumah yang diperbuat daripada emas seperti pinggan mangkuk, pasu, sudu atau garpu emas dan sebagainya. Emas yang dipakai oleh lelaki tidak termasuk dalam kategori perhiasan kerana pemakaiannya diharamkan oleh syarak (Al-Qaradawi, 2006; Al-Shatibi, 2003; Al-Zuhaili, 2021). Oleh yang demikian, perbincangan dalam penulisan ini menumpukan kepada zakat emas perhiasan wanita, selaras dengan realiti pemakaian emas dalam masyarakat serta kaedah penetapan hukum zakat yang diamalkan di Malaysia.

DALIL DAN ISU ZAKAT EMAS PERHIASAN

Perbahasan mengenai hukum zakat emas perhiasan merupakan antara topik penting dalam fiqh zakat harta, khususnya dalam konteks masyarakat Islam kontemporer. Penentuan hukum ini berasaskan dalil-dalil al-Quran, hadis serta tafsiran fuqaha mengenai sifat emas perhiasan, sama ada ia dikategorikan sebagai harta berkembang atau sebaliknya. Kefahaman terhadap dalil dan asas hukum ini penting sebelum beralih kepada metodologi ijtihad seperti uruf dan *istiqra'*.

Ayat al-Quran yang sering dijadikan sandaran ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah ayat 34, yang mengecam golongan yang menyimpan emas dan perak tanpa menunaikan zakat:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksud: “Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” (Surah at-Taubah, 9:34)

Ayat ini menjadi asas bagi sebahagian fuqaha termasuk mazhab Hanafi dan sebahagian sahabat untuk mewajibkan zakat ke atas semua bentuk pemilikan emas, sama ada disimpan atau dipakai. Mereka menegaskan bahawa pemakaian perhiasan tidak menghilangkan sifat “simpanan” kerana emas itu kekal bernilai, boleh berkembang dan boleh dicairkan pada bila-bila masa.

Hadis-hadis sahih turut menguatkan pandangan ini. Antaranya, hadis wanita yang datang kepada Rasulullah SAW dengan dua gelang emas seperti berikut:

أن امرأة أتت النبي صلى الله عليه وسلم ومعها ابنة لها وفي يد ابنتها مسكتان غليظتان من ذهب، فقال لها: “أتعطين زكاة هذا؟” قالت: لا، قال: “أيسرك أن يسورك الله بهما يوم القيامة سوارين من نار؟”، فخلعتهما فألقتهما إلى النبي صلى الله عليه وسلم وقالت: هما لله ولرسوله

“Bahawasanya seorang wanita bersama puterinya datang kepada Nabi SAW. Puterinya tersebut memakai dua gelang tebal yang terbuat dari emas di tangannya. Beliau bersabda, “Apakah kamu menzakati gelang ini?” Wanita tersebut menjawab, “Tidak.” Beliau bersabda, “Apakah kamu ingin kelak pada hari Kiamat Allah memakaikan kepadamu dua

gelang yang terbuat dari api?” Wanita itu melepas kedua gelang tersebut dan memberikannya kepada Nabi SAW seraya berkata, “Kedua gelang ini untuk Allah dan Rasul-Nya.”

(Riwayat Abu Daud, Nasa’i, dan Tirmidzi)

Begitu juga hadis Ummu Salamah r.a yang bertanya tentang kalung emas yang dipakainya. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa jika emas tersebut mencapai nisab dan haul, maka ia wajib dizakatkan. Hadis-hadis ini menjadi hujah utama oleh jumhur yang mewajibkan zakat ke atas emas perhiasan tanpa pengecualian.

Berkata Ummu Salamah r.a:

كنت ألبس أوضاعًا من ذهب فقلت: يا رسول الله، أكنز هو؟ فقال: ما بلغ أن يؤدي زكاته فزكي فليس بكنز

“Aku pernah memakai perhiasan yang terbuat dari emas. Aku bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah perhiasan ini termasuk harta simpanan (yang diancam dengan siksa pedih)?”. Beliau menjawab, “Perhiasan yang sudah mencapai nisabnya untuk dizakati, lalu dizakati, maka bukan termasuk harta simpanan (yang diancam dengan siksa pedih).”(Riwayat Abu Daud, Ad-Daruquthni dan disahihkan oleh Al-Hakim)

Namun, terdapat juga dalil yang menunjukkan bahawa Aisyah r.a dan beberapa sahabat tidak mengeluarkan zakat ke atas perhiasan yang dipakai sebagai keperluan. Antaranya hadis riwayat Abu Daud dalam kitab sunannya, Hakim dan Mustadrak, Ad-Daruquthni dan al-Baihaqi di dalam Sunan keduanya.

Dan telah dikeluarkan oleh Abu Daud dari hadith Aisyah r.a dengan sanad yang sahih, ia berkata:

دخل علي رسول الله صلى الله عليه وسلم فرأى في يدي فتحات من ورق فقال: ما هذا يا عائشة؟ فقلت: صنعتهن أتزين لك يا رسول الله، قال: أتؤدين زكاتهن؟ قلت: لا، أو ما شاء الله، قال: هو حسبك من النار

“Rasulullah SAW masuk ke rumahku. Beliau melihat di tanganku ada cincin perak. Beliau bersabda, “Apakah ini wahai Aisyah?” Aku menjawab, “Aku memakainya untuk berhias di depanmu wahai Rasulullah.” Beliau bersabda, “Apakah kamu menunaikan zakatnya?”

Aku menjawab, “Tidak, atau sesuai kehendak Allah.” Beliau bersabda, “Zakat akan mencegahmu dari api neraka.”(Riwayat Abu Daud)

Hadis ini disahihkan oleh Al-Hakim sebagaimana disebutkan oleh Al-Hafiz Ibnu Rajab dalam *Bulughul Maram*. Berdasarkan riwayat-riwayat tersebut, ulama mazhab Syafi’i, Maliki dan Hanbali berpendapat bahawa emas perhiasan yang dipakai tidak wajib dizakatkan selagi ia digunakan secara *ma’ruf* dan tidak melampaui kebiasaan masyarakat. Mereka berhujah bahawa perhiasan wanita bukan harta berkembang kerana ia digunakan dan bukan disimpan untuk tujuan pelaburan. Justeru, ia tidak memenuhi ‘illah *nama*’ yang menjadi asas kewajipan zakat.

Perbezaan pentafsiran terhadap dalil-dalil ini melahirkan dua aliran pandangan: pertama, pandangan yang mewajibkan zakat ke atas semua perhiasan kerana ia dianggap harta kekal yang berkembang; dan kedua, pandangan yang tidak mewajibkan zakat ke atas perhiasan yang dipakai kerana penggunaannya menghilangkan sifat “kesuburan” harta, sebagaimana diujahkan oleh mazhab Syafi’i.

Isu pokok yang mencetuskan khilaf ini ialah persoalan sama ada emas perhiasan itu tergolong dalam kategori harta berkembang atau tidak. Pihak yang mewajibkan zakat menegaskan bahawa nilai emas tetap meningkat dan boleh dimanfaatkan secara ekonomi. Pihak yang mengecualikannya pula menegaskan bahawa sifat berkembang itu hilang apabila emas dipakai sebagaimana pakaian atau rumah yang digunakan sebagai keperluan.

Perbahasan asas ini menunjukkan keperluan kepada metodologi tambahan seperti uruf dan *istiqra*’ dalam konteks semasa. Hal ini kerana tahap pemakaian, bentuk perhiasan, kuantiti dan tujuan pemilikan emas berbeza mengikut masyarakat dan zaman. Justeru, dalil yang bersifat umum perlu ditafsirkan mengikut realiti adat setempat melalui proses pengamatan induktif (*istiqra*’) bagi menentukan kadar pemakaian yang dianggap normal atau berlebihan. Pendekatan inilah yang akhirnya membentuk konsep uruf dalam penetapan kewajipan zakat emas perhiasan, sebagaimana diamalkan oleh institusi zakat di Malaysia hari ini.

Zakat Emas Perhiasan Dalam Mazhab Syafi'i

Mazhab Syafi'i berpendapat bahawa emas dan perak yang dipakai sebagai perhiasan tidak wajib dizakatkan selagi pemakaiannya tidak melampaui batas kebiasaan masyarakat (*'urf*). Al-Rabi' meriwayatkan bahawa Imam Syafi'i, setelah beristikharah, menegaskan bahawa perhiasan yang dibolehkan pemakaiannya tidak wajib dizakatkan kecuali jika kadarnya yang dianggap berlebihan (Imam al-Syafi'i, 2004; Al-Bakri, 2011).

Imam As-Syafi'i juga membenarkan pemakaian emas bagi wanita dan cincin perak bagi lelaki, dan kedua-duanya dianggap sebagai barangan kegunaan yang menghilangkan sifat "kesuburan" harta. Namun, jika jumlah perhiasan dianggap melampau menurut adat setempat, maka sifat kegunaan itu berubah dan zakat menjadi wajib (Al-Bakri, 2011).

Pandangan ini turut disokong oleh Imam Nawawi (2009) dan ulama al-Syafi'iyah yang menekankan bahawa perhiasan wanita hendaklah tidak berlebihan dan tidak menunjukkan kesombongan. Konsep "berlebihan" ini pula bersifat relatif dan berubah mengikut *'urf*, sebagaimana dihuraikan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi (2006).

Dalil-dalil yang dinyatakan sebelum ini menunjukkan adanya amaran terhadap pemilikan emas yang tidak dizakatkan apabila ia menjadi simpanan yang dilarang (*kanz*). Walaupun hadis-hadis tersebut sering dijadikan dalil wajib zakat ke atas perhiasan, ulama Syafi'iyah menafsirkannya sebagai peringatan dalam keadaan perhiasan dianggap simpanan berlebihan yang keluar daripada *urf*. Maka, pendekatan kontemporari di Malaysia menggabungkan dalil-dalil fiqh klasik ini dengan penilaian *urf* semasa, melalui metod *istiqra'*, bagi menentukan kewajipan zakat ke atas emas perhiasan.

HUKUM ZAKAT EMAS PERHIASAN

Para ulama berbeza pandangan tentang kewajipan zakat ke atas emas perhiasan wanita. Secara umum, pandangan mereka terbahagi kepada dua kelompok utama (JAWHAR, 2024):

- (a) Pertama, pandangan yang mewajibkan zakat ke atas emas perhiasan, antaranya Umar bin al-Khattab, Ibn Mas'ud, Ibn Abbas, Abdullah bin Amr bin 'As, Sa'id bin al-Musayyab, Mujahid dan lain-lain. Mazhab Hanafi, Zahiri dan Zaidiyah turut menyokong pandangan ini. Mereka berhujah bahawa perhiasan wanita dianggap lebih kepada keperluan asas, justeru lebih utama dizakatkan. Dalil mereka termasuk

firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah, ayat 34 yang mengecam mereka yang menyimpan emas dan perak tanpa menunaikan zakat serta hadis yang menyebut: “Keluarkanlah zakat harta yang menyucikan jiwamu.” Menurut pandangan ini, sifat emas sebagai harta bernilai tinggi menjadikannya tetap memenuhi ciri *nama*’ sekalipun dipakai.

- (b) Kedua, pandangan yang tidak mewajibkan zakat ke atas emas perhiasan yang dipakai sebagai perhiasan wanita. Pandangan ini disokong oleh Ibn Umar, Aisyah, Jabir bin Abdullah, Anas bin Malik dan Asma’ binti Abu Bakr, serta mazhab Maliki, Hanbali dan pendapat yang masyhur dalam mazhab Syafi’i dan Ja’fariyyah. Mereka berhujah dengan hadis yang bermaksud; “Tiada zakat dalam perhiasan” serta riwayat yang menyatakan Aisyah r.a. dan keluarganya tidak mengeluarkan zakat ke atas emas perhiasan yang dipakai. Hujah mereka berpaksikan kaedah bahawa perhiasan wanita merupakan keperluan yang diharuskan syarak. Maka, ia tidak memenuhi ‘illah zakat iaitu sifat berkembang (*an-nama*’).

Dr Abdul Karim Zaidan (2004) turut memilih pandangan kedua ini dengan alasan bahawa berhias merupakan tuntutan syarak ke atas wanita, terutamanya demi kelestarian kehidupan berumah tangga (berhias untuk menambat hati suami). Jika perhiasan wajib dizakatkan, ia boleh melemahkan tujuan syarak yang mengharuskan wanita berhias.

Di Malaysia ketetapan hukum mengikuti pendekatan mazhab Syafi’i kontemporari iaitu zakat emas perhiasan dikenakan apabila ia melebihi uruf setempat. Jika wanita memakai emas perhiasan dalam kadar yang menjadi kelaziman atau uruf setempat, maka tidak wajib zakat. Contoh uruf pemakaian biasa termasuk satu atau dua bentuk cincin, seutas dua rantai leher atau sepasang anting-anting. Tetapi jika seseorang memiliki sejumlah besar perhiasan sehingga memerlukan peti khas atau tidak dapat mengingati mana satu yang dipakai, keadaan itu dianggap berlebihan dan wajarlah dizakatkan.

Pendekatan ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 219:

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْغَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ

Maksud: “Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: “Yang lebih dari keperluan.” Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu supaya kamu berfikir.” (Surah al-Baqarah, 2:219)

Ayat ini menjadi asas kepada prinsip *al-‘afw*, iaitu perbelanjaan atau pengeluaran terhadap apa yang melebihi keperluan. Maka, perhiasan yang melampaui kadar kebiasaan termasuk dalam kategori lebihan yang wajar dizakatkan.

URUF DALAM PENETAPAN HUKUM ZAKAT EMAS PERHIASAN

Dalam disiplin fiqh, *‘urf* merupakan salah satu sumber hukum yang diiktiraf selepas al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas (Ibn ‘Abidin, 2003; Al-Shatibi, 2003). Ia merujuk kepada kebiasaan, adat atau amalan yang diterima dan diamalkan secara meluas dalam masyarakat, sama ada dalam bentuk perbuatan (*‘urf fi’li*) mahupun pertuturan (*‘urf qawli*) (JAWHAR, 2024; Kamali, 2003). Keabsahan *‘urf* sebagai sumber hukum disandarkan kepada beberapa kaedah fiqh yang muktabar. Antaranya ialah kaedah *al-‘adah muhakkamah* (adat menjadi penentu hukum), yang menetapkan bahawa adat dan kebiasaan masyarakat boleh dijadikan sandaran hukum apabila tiada nas khusus yang menolaknya (Azhar et al., 2017; Harun et al., 2020). Ibn ‘Abidin (2003) menegaskan bahawa kaedah ini merupakan antara asas terpenting fiqh dan digunakan secara meluas dalam persoalan muamalat dan urusan kemasyarakatan.

Kaedah lain yang berkaitan ialah *al-thabit bi al-‘urf ka al-‘thabit bi al-nas* (perkara yang ditetapkan melalui uruf dianggap seperti perkara yang ditetapkan melalui nas). Kaedah ini menggambarkan betapa kuatnya kedudukan uruf apabila ia memenuhi syarat-syarat syarak (Azhar et al., 2017; Harun et al., 2020). Ia menunjukkan bahawa syariah memberi ruang kepada adat sebagai mekanisme pembentukan hukum dalam perkara-perkara yang tidak mempunyai dalil qat’i (Al-Qaradawi, 2006; Kamali, 2003).

Ulama seperti al-Qarafi dan Ibn ‘Abidin turut menegaskan bahawa *‘urf* hanya boleh dijadikan sandaran hukum apabila ia selari dengan maqasid syariah dan tidak bercanggah dengan nas. Dalam al-Furuq, al-Qarafi (2010) menyatakan bahawa barang siapa yang menetapkan hukum berdasarkan apa yang dinyatakan di dalam kitab-kitab semata-mata tanpa mengambil kira adat masyarakat, maka ia telah menyimpang daripada tujuan syariah. Kenyataan ini menunjukkan bahawa uruf bukan sekadar elemen sampingan, tetapi elemen asas dalam memahami bagaimana syariah diaplikasikan secara kontekstual (Azhar et al.,

2017). Ibn ‘Abidin (2003) turut menegaskan dalam Radd al-Muhtar bahawa fatwa boleh berubah mengikut perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan adat masyarakat. Ini selari dengan kaedah *taghayyur al-fatwa bi taghayyur al-zaman wa al-makan*, iaitu fleksibiliti hukum apabila konteks masyarakat berubah (Harun et al., 2020; Rusli, 2019).

Dalam konteks zakat emas perhiasan, penggunaan uruf berkait rapat dengan keadilan, kemaslahatan dan mengelakkan kemudaratan. Penetapan kadar uruf perlu adil serta mengambil kira realiti sosioekonomi masyarakat kerana tradisi pemakaian emas berbeza antara negeri dan budaya. Menyamaratakan hukum tanpa melihat adat tempatan akan menzalimi sebahagian masyarakat (Ahmad & Nazri, 2024; Al-Qaradawi, 2006). Selain itu, zakat bertujuan memberi manfaat kepada pihak yang menerima tanpa membebankan pihak yang membayar. Oleh itu, uruf berperanan menentukan batas pemakaian emas yang dianggap munasabah dan tidak berlebih-lebihan (Ab Rahman et al., 2024; Makhsin et al., 2021).

Di Malaysia, uruf memainkan peranan penting dalam penentuan kadar pemakaian emas perhiasan yang dianggap wajar. Institusi zakat negeri mengaplikasikan kaedah *istiqra’*, iaitu pemerhatian induktif terhadap pola sebenar pemakaian emas dalam masyarakat, termasuk adat perhiasan dalam majlis-majlis tertentu, kemampuan sosioekonomi setempat, serta trend perhiasan semasa. Melalui penelitian sistematik ini, kadar uruf ditetapkan secara berbeza mengikut negeri agar selari dengan realiti masyarakat masing-masing. Pendekatan ini memperlihatkan sinergi yang kukuh antara uruf dan maqasid syariah, memastikan hukum zakat emas perhiasan kekal relevan, adil dan bersifat kontekstual.

APLIKASI URUF DAN ISTIQRA’ DALAM PENETAPAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI NEGARA-NEGARA ISLAM

Pendekatan penetapan zakat emas perhiasan yang berasaskan *urf* dan *istiqra’* bukanlah terhad kepada Malaysia sahaja, tetapi ia dapat diperhatikan di beberapa negara Islam lain dengan corak pelaksanaan yang berbeza. Di negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi dan Turki, pendekatan yang lebih cenderung kepada pandangan mazhab Hanafi masih dominan, iaitu mewajibkan zakat ke atas emas perhiasan tanpa mengambil kira kadar pemakaian atau uruf setempat (Muhammad, 2019; PMWP, 2015). Pendekatan ini berpaksikan kepada sifat emas sebagai harta bernilai yang kekal dan berpotensi berkembang, serta penafsiran literal terhadap dalil al-Quran dan hadis berkaitan simpanan emas dan perak

(Masarat, t.t.). Walau bagaimanapun, pendekatan ini sering dikritik kerana kurang mengambil kira perubahan gaya hidup dan fungsi perhiasan dalam masyarakat moden (Ahmad & Nazri, 2024; JAWHAR, 2024).

Sebaliknya, di beberapa negara Asia Selatan seperti Bangladesh, walaupun kerangka mazhab Hanafi menjadi rujukan utama, pelaksanaan di peringkat masyarakat sering dipengaruhi oleh kebiasaan tempatan dan kemampuan ekonomi, menjadikan pengeluaran zakat emas perhiasan bersifat selektif dan tidak seragam (Jahangir & Bulut, 2022). Ini menunjukkan bahawa uruf secara praktikal tetap berfungsi walaupun tidak dinyatakan secara formal dalam institusi zakat.

Di Indonesia, pendekatan yang lebih hampir dengan Malaysia dapat diperhatikan, meskipun dalam bentuk yang kurang terpusat. Pengurusan zakat di Indonesia melalui institusi seperti Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) menunjukkan kecenderungan untuk mengambil kira realiti sosioekonomi dan kebiasaan masyarakat dalam aplikasi zakat. Walaupun tiada ketetapan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di peringkat nasional, pendekatan yang lebih kontekstual ini mencerminkan pengiktirafan tidak langsung terhadap peranan uruf dalam pelaksanaan zakat (Ali et al, 2024).

Pendekatan Malaysia dapat dilihat sebagai lebih sistematik dan institusional apabila uruf ditentukan melalui pemerhatian induktif yang terancang oleh institusi zakat negeri. Kaedah *istiqla'* digunakan untuk menilai pola pemakaian emas sebenar dalam masyarakat sebelum kadar uruf ditetapkan secara rasmi dan diumumkan kepada awam. Pendekatan ini bukan sahaja selari dengan prinsip maqasid syariah, malah memperlihatkan usaha mengimbangi antara ketegasan hukum dan keadilan sosial. Perbandingan ini menunjukkan bahawa pendekatan Malaysia yang menginstitusikan penetapan kadar uruf melalui kaedah *istiqla'* berada pada kedudukan pertengahan antara pendekatan literal dan pendekatan adat yang tidak berstruktur. Ini mengukuhkan hujah bahawa amalan Malaysia mencerminkan evolusi ijtihad fiqh yang responsif terhadap perubahan tempat dan zaman.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan bagi meneliti dan memahami konsep zakat emas perhiasan, peranan uruf serta pengaplikasian kaedah *istiqla'* dalam penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Sumber data utama merangkumi

teks-teks normatif seperti ayat al-Quran, hadis serta penulisan ulama klasik dan kontemporari. Selain itu, kajian ini turut menggunakan dokumen rasmi institusi zakat negeri termasuk garis panduan, ketetapan kadar uruf dan kaedah pengiraan zakat emas perhiasan.

Analisis dijalankan terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis berkaitan zakat emas perhiasan serta pandangan fuqaha bagi memahami asas hukum dan kepelbagaian ijtihad ulama dalam isu ini. Kajian turut melibatkan analisis literatur sekunder yang membincangkan zakat emas perhiasan, konsep uruf, aplikasi maqasid syariah serta kajian lapangan berkaitan variasi penetapan kadar uruf di Malaysia.

Data yang diperoleh dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, rasional dan pendekatan yang digunakan oleh pihak berautoriti dalam menentukan kadar uruf. Penentuan uruf dominan (*'urf ghalib*) dilakukan melalui proses induktif yang sistematik, berasaskan kelaziman dan pengulangan sesuatu amalan, penerimaan masyarakat serta selari dengan pandangan fuqaha dan garis panduan institusi zakat. Di samping itu, pertimbangan terhadap maqasid syariah dijadikan asas penting dalam menilai kewajaran adat tersebut, khususnya dari sudut keadilan dan kemaslahatan kepada pembayar zakat. Melalui pendekatan ini, kaedah *istiqra'* membolehkan penentuan *'urf ghalib* dilakukan secara telus, kontekstual dan selari dengan prinsip fiqh zakat yang diamalkan di Malaysia sekali gus memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh tentang bagaimana kaedah *istiqra'* diaplikasikan dalam penetapan kadar uruf pemakaian emas perhiasan dalam konteks fiqh zakat di Malaysia.

KADAR URUF PEMAKAIAN EMAS DI MALAYSIA

Pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Muslim di Malaysia menunjukkan pola yang berbeza mengikut negeri, dan perbezaan ini terzahir melalui variasi kadar uruf yang ditetapkan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Jadual 1 menggambarkan kadar uruf dan kaedah perakaunan zakat emas perhiasan yang diamalkan oleh negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 1 Kadar Uruf dan Kaedah Perakaunan Zakat Emas Perhiasan Negeri-negeri di Malaysia

NEGERI	AGENSI ZAKAT NEGERI	KADAR URUF (GRAM)	KAEDAH PERAKAUNAN ZAKAT EMAS PERHIASAN	TAHUN PENETAPAN / KEMAS KINI URUF
Terengganu	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	850g	Lebihan uruf	2024
Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	800g	Lebihan uruf	2018
Wilayah Persekutuan	Pusat Pungutan Zakat, MAIWP	800g	Keseluruhan	2016
Kelantan	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	600g	Lebihan uruf	2025
Perak	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk)	500g	Keseluruhan	2024
Pahang	Pusat Kutipan Zakat, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	500g	Keseluruhan	2017
Johor	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	425g	Lebihan uruf	2023
Pulau Pinang	Zakat Pulau Pinang	250g	Keseluruhan	2021
Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	200g	Lebihan uruf	2015
Kedah	Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman	200g	Lebihan uruf	2024
Melaka	Zakat Melaka	180g	Lebihan uruf	2017
Sabah	Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)	152g	Lebihan uruf	2009
Sarawak	Tabung Baitulmal, Majlis Islam Sarawak (MIS)	90g	Lebihan uruf	2018

Perlis	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)	Tidak menggunakan sistem uruf	Keseluruhan	2021 - Kadar Nisab Zakat Emas berdasarkan Tahap Ketulenan
--------	--	-------------------------------	-------------	---

(Sumber: Laman Web Rasmi Lembaga Zakat Negeri)

Jadual 1 menunjukkan bahawa kadar uruf yang berbeza mencerminkan realiti bahawa adat pemakaian emas tidak bersifat statik, tetapi dipengaruhi oleh faktor budaya, sosioekonomi, serta gaya hidup masyarakat setempat. Misalnya, negeri-negeri Pantai Timur seperti Terengganu dan Kelantan menetapkan kadar uruf yang tinggi kerana tradisi pemakaian emas yang tebal dan banyak, terutamanya dalam majlis pertunangan dan perkahwinan (Ahmad & Nazri, 2024; Rosele et al., 2019). Sebaliknya, negeri seperti Sabah dan Sarawak menetapkan kadar uruf lebih rendah kerana corak pemilikan semasa dalam masyarakatnya lebih sederhana, dipengaruhi faktor pendapatan serta struktur ekonomi masyarakatnya (Makhsin et al., 2021; Nordin et al., 2018). Perkara ini membuktikan bahawa adat pemakaian emas adalah fleksibel dan sangat bergantung kepada realiti sosial.

Variasi kadar uruf ini menunjukkan bahawa institusi zakat negeri tidak menetapkan angka secara rambang, tetapi mengguna pakai pendekatan *istiqra'* terhadap data lapangan seperti pola pemakaian emas, kemampuan ekonomi, peranan emas dalam budaya setempat serta persepsi masyarakat terhadap konsep “berlebihan” (Nordin et al., 2019; Rosele et al., 2019). Melalui kaedah *istiqra'*, dapatan-dapatan *juz'i* dianalisis secara menyeluruh sehingga menghasilkan ketetapan umum yang kukuh dan boleh dijadikan garis panduan negeri. Perbezaan ini juga selari dengan prinsip fiqh *taghayyur al-fatwa bi taghayyur al-zaman wa al-makan*, iaitu perubahan fatwa berdasarkan masa, tempat dan keadaan (Harun et al., 2020; Rusli, 2019).

Dari sudut fiqh zakat, perbezaan ini mempunyai justifikasi hukum yang jelas. Uruf diangkat sebagai sandaran kerana ia menjadi indikator kepada perhiasan itu sama ada dianggap sebahagian daripada keperluan berhias atau termasuk dalam kategori lebihan simpanan (*kanz*) (Al-Qaradawi, 2006; Ahmad & Nazri, 2024). Menurut mazhab Syafi'i, perhiasan yang dianggap suatu kebiasaan tidak dilihat sebagai harta berkembang, manakala lebihan yang melampaui uruf dilihat mempunyai sifat “pertumbuhan nilai” dan cenderung menjadi simpanan, sekali gus mewajibkan zakat. Justeru, perbezaan kadar uruf antara negeri

bukan kelemahan sistem, tetapi kekuatan metodologi syariah yang meraikan realiti sosial melalui pendekatan induktif yang teliti (*istiqra'*).

Penggunaan kaedah *istiqra'* mengukuhkan lagi sifat objektif dan saintifik dalam penetapan kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Kaedah ini selaras dengan konsep *istiqra'* menurut ulama usul fiqh klasik, iaitu penyimpulan hukum melalui kajian terhadap pelbagai contoh konkrit sehingga melahirkan kaedah umum yang stabil (Al-Shatibi, 2003; Al-Amidi, 2003). Dalam konteks zakat emas perhiasan, *istiqra'* memastikan kadar uruf yang ditetapkan benar-benar berasaskan data empirikal yang boleh diuji, dibanding dan dipertahankan secara ilmiah, bukan ditetapkan secara sewenang-wenangnya (Ab Rahman et al., 2024; Makhsin et al., 2021). Pendekatan ini memelihara maqasid syariah, khususnya keadilan dan kemaslahatan, dengan memastikan masyarakat tidak terbeban oleh zakat perhiasan yang secara uruf diterima sebagai keperluan, bukan kemewahan (Muhammad Shahrul Ifwat, 2020; Tuan Mahmood et al., 2021).

Selain kadar uruf, terdapat juga perbezaan dalam kaedah perakaunan zakat emas antara negeri. Berdasarkan Jadual 1, dua kaedah utama digunakan. Kaedah pertama ialah zakat ke atas keseluruhan nilai emas yang melebihi nisab, digunakan oleh beberapa negeri seperti Wilayah Persekutuan, Perak, Pahang, Pulau Pinang dan Perlis. Kaedah kedua ialah zakat ke atas lebihan uruf sahaja, digunakan di negeri seperti Kedah, Terengganu, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Sabah dan Sarawak. Perbezaan ini menunjukkan ruang ijtihad yang luas, di mana setiap negeri menyesuaikan kaedah perakaunan dengan konteks sosioekonomi dan corak pemilikan emas masyarakatnya (Ab Rahman et al., 2024; Nordin et al., 2019).

Secara keseluruhannya, perbandingan kadar uruf antara negeri-negeri di Malaysia membuktikan bahawa pelaksanaan zakat emas perhiasan menggabungkan unsur adat, kajian empirikal dan prinsip syariah. Kepelbagaian kadar uruf, kaedah pengiraan yang berlainan dan autonomi setiap Majlis Agama Islam Negeri mencerminkan pendekatan zakat yang selaras dengan maqasid syariah yang menekankan keadilan, kemampuan dan kemaslahatan masyarakat. Justeru, uruf bukan sekadar angka, tetapi refleksi hubungan harmoni antara realiti budaya, kebijaksanaan pentadbiran zakat dan ketepatan fiqh dalam konteks kontemporari.

KAEDAH ISTIQRA' DAN APLIKASINYA DALAM PENETAPAN HUKUM

Kaedah *istiqra'* merupakan salah satu metodologi penting dalam disiplin usul fiqh yang digunakan untuk menghasilkan ketetapan hukum melalui pemerhatian induktif terhadap dalil-dalil, fakta dan realiti sosial (Al-Ghazali, 1997; Al-Shatibi, 2003; Isman & Yahya, 2022). Dalam Islam, *istiqra'* bukan sekadar teknik pengumpulan data, tetapi suatu pendekatan epistemologi yang membolehkan ulama merumuskan prinsip umum daripada himpunan contoh-contoh kecil yang konsisten (Al-Amidi, 2003). Pendekatan ini amat signifikan apabila berhadapan isu kontemporari yang melibatkan perubahan adat, kepelbagaian budaya dan perbezaan konteks masyarakat seperti dalam penentuan zakat emas perhiasan di Malaysia (Ab Rahman et al., 2024; Md Ariffin, 2016, Rusli, 2019).

Konsep Istiqra'

Dalam usul fiqh, *istiqra'* bermaksud pemerhatian menyeluruh atau induktif terhadap kes-kes atau dalil-dalil bagi membentuk suatu hukum umum (*hukum kulli*). Ulama seperti al-Ghazali, al-Amidi dan Ibnu Taimiyah mentakrifkannya sebagai proses menghimpun dalil-dalil *juz'i* yang akhirnya membawa kepada satu kesimpulan hukum yang stabil. Ia melengkapikan kaedah ijthad tradisional seperti qiyas, di mana ulama tidak hanya bergantung pada satu nas atau satu kaedah, tetapi meneliti pola hukum daripada pelbagai sumber.

Terdapat dua jenis *istiqra'* iaitu; (i) *istiqra' tam* yang merujuk kepada pemerhatian terhadap semua bukti atau kes yang relevan sehingga melahirkan prinsip umum yang kukuh; (ii) *istiqra' naqis* iaitu pemerhatian terhadap sebahagian besar kes yang cukup untuk menunjukkan pola yang stabil (Al-Alwani, 2001; Hasan Mu'arif, 1996; Hassan & Alias, 2017). Dalam konteks fiqh zakat, *istiqra'* digunakan untuk menilai kecenderungan nas, amalan para sahabat, suasana sosial dan makna uruf sehingga menghasilkan garis panduan hukum yang bersifat menyeluruh tetapi masih fleksibel (Ahmad & Nazri, 2024; PMWP, 2018; Syarif Hidayatullah, 2012).

Rasional Penggunaan Istiqra' dalam Isu Zakat Emas Perhiasan

Penggunaan *istiqra'* menjadi sangat relevan dalam isu zakat emas perhiasan kerana beberapa faktor berikut (Ahmad & Nazri, 2024; Al-Qaradawi, 2006, JAWHAR, 2024; Nordin et al., 2019; Tuan Mahmood et al., 2021):

1) Khilaf ulama yang signifikan

Fuqaha berbeza pandangan sama ada emas perhiasan dianggap harta berkembang atau sekadar keperluan. Perbezaan ini memerlukan pemerhatian luas terhadap praktik masyarakat dan sifat penggunaan emas dalam konteks sebenar.

2) *Urf* yang berubah mengikut zaman dan tempat

Pola pemakaian emas di Malaysia berbeza bukan sahaja antara negeri malah antara kelompok etnik dan status ekonomi. Ini menuntut satu metod yang dapat menilai adat secara empirikal dan objektif.

3) Ketiadaan nas qat'i yang menetapkan kadar uruf

Ketetapan hukum perlu dibina berdasarkan penelitian induktif terhadap adat dan realiti masyarakat.

4) Keperluan menyelaraskan hukum dengan maqasid syariah

Pendekatan induktif memastikan ketetapan hukum yang terhasil menepati prinsip keadilan, kemudahan dan kemaslahatan dalam masyarakat majmuk dan ekonomi moden.

Aplikasi Istiqra' dalam Menentukan Had Pemakaian Emas di Malaysia

Dalam penentuan zakat emas perhiasan, *istiqra'* diaplikasikan melalui beberapa mekanisme berikut (JAWHAR, 2024; Md Ariffin, 2016; Nordin et al., 2018, Rosele et al., 2019; Tuan Mahmood et al., 2021):

1) Pemerhatian empirikal terhadap adat dan praktik pemakaian emas

Institusi zakat negeri mengumpulkan data lapangan seperti berat perhiasan lazim yang dipakai wanita, kedudukan sosioekonomi masyarakat dan trend pemakaian emas masyarakat setempat. Data ini dianalisis bagi menentukan pola yang stabil untuk dijadikan asas kadar penetapan uruf negeri.

2) Penilaian komparatif antara nas, pandangan mazhab dan realiti semasa

Istiqra' menggabungkan dalil al-Quran, hadis, amalan sahabat dan pandangan fuqaha dengan data kontemporari. Hasil pentarjihan induktif ini menghasilkan hukum yang bersifat praktikal dan konsisten dengan realiti Malaysia.

3) Penetapan kadar uruf negeri secara induktif

Perbezaan kadar antara negeri adalah hasil penelitian menyeluruh terhadap budaya tempatan, sehingga ketetapan uruf mencerminkan realiti masyarakat masing-masing.

4) Istiqra' sebagai asas untuk menentukan kaedah perakaunan zakat

Pemilihan antara kaedah zakat atas nilai penuh atau zakat atas lebih uruf turut bergantung pada pemerhatian terhadap kemampuan pembayar zakat, budaya masyarakat dan pertimbangan fiqh setempat.

Istiqra' berfungsi sebagai jambatan antara teks dan realiti, menghubungkan kerangka hukum klasik dengan adat kontemporari. Melalui penelitian induktif terhadap nas, amalan sahabat, pandangan fuqaha, keadaan ekonomi dan adat masyarakat, institusi zakat Malaysia dapat menetapkan kadar uruf yang lebih adil, fleksibel serta selaras dengan maqasid syariah. Justeru, *istiqra'* bukan sahaja penting dalam penetapan hukum zakat emas perhiasan, tetapi turut mencerminkan dinamika fiqh yang responsif terhadap perubahan ruang dan masa.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan *istiqra'* memainkan peranan penting dalam pentarjihan hukum zakat emas perhiasan di negeri-negeri Malaysia. Melalui penyelidikan terhadap adat, pola pemakaian emas dan nilai sosioekonomi setempat, institusi zakat negeri meneliti data empirikal yang konsisten sebelum menghasilkan garis panduan uruf. Proses ini selari dengan definisi ulama usul seperti al-Ghazali dan al-Amidi yang menekankan pemerhatian terhadap sejumlah perkara yang berulang bagi membentuk satu hukum umum.

Dalam pentarjihan fatwa, *istiqra'* digunakan sebagai mekanisme yang mempertimbangkan kepelbagaian realiti masyarakat. Sebagai contoh, negeri dengan budaya pemakaian emas yang lebih tinggi seperti Terengganu dan Selangor menetapkan kadar uruf yang lebih besar berbanding negeri seperti Sabah yang mengamalkan budaya perhiasan yang lebih sederhana. Hal ini membuktikan bahawa pentarjihan fatwa tidak hanya berpaksikan teks, tetapi juga memerlukan kaedah induktif untuk memastikan hukum bersifat praktikal dan sesuai dengan konteks masyarakat (*context-sensitive*).

Penggunaan *istiqra'* dalam konteks zakat emas perhiasan menunjukkan bahawa ijtihad kontemporari semakin menekankan pendekatan empirikal dalam memahami realiti sosial. Jika sebelum ini perbahasan ulama tertumpu pada isu sama ada perhiasan tergolong sebagai “harta berkembang”, ijtihad moden meluaskan kerangka analisis dengan menilai tingkah laku masyarakat, nilai sosioekonomi, serta implikasi pelaksanaan hukum terhadap keadilan sosial.

Implikasinya, ijtihad kontemporari semakin bersifat responsif, berasaskan data serta selari dengan maqasid, terutama dari sudut menjaga kemaslahatan (*maslahah*), mengelakkan kesulitan (*raf' al-haraj*) dan menjamin keadilan antara masyarakat negeri yang mempunyai kemampuan ekonomi berbeza. Pendekatan ini memperkasa institusi zakat dengan memberi ruang ijtihad yang lebih luas, sekali gus menjadikan pelaksanaan hukum lebih dekat dengan realiti semasa.

Ketidakteraturan kadar uruf antara negeri merupakan isu berbangkit dalam kajian ini (Rosele et al., 2019). Walaupun perbezaan tersebut mempunyai asas metodologi melalui hasil *istiqra'* terhadap adat masyarakat di negeri masing-masing, ia tetap menimbulkan cabaran dari aspek kefahaman masyarakat, mobiliti antara negeri, dan konsistensi pelaksanaan zakat di peringkat nasional.

Syor penyelarasan kadar uruf nasional wajar diberi perhatian, namun ia menghadapi kekangan seperti perbezaan budaya, kemampuan ekonomi, nilai aset serta tradisi pemakaian emas antara negeri. Jika penyelarasan dilakukan secara keras tanpa mempertimbangkan realiti tempatan, ia dikhuatiri bercanggah dengan prinsip '*taghayyur al-fatwa bi taghayyur al-zaman wa al-makan*'. Oleh itu, pendekatan yang lebih sesuai adalah dengan membentuk garis panduan nasional yang bersifat kerangka, manakala angka spesifik uruf kekal ditentukan oleh negeri berdasarkan penelitian *istiqra'* yang dijalankan secara berkala.

Dalam fiqh kontemporari, integrasi antara *istiqra'* sebagai kaedah induktif dan uruf sebagai sumber hukum yang diiktiraf boleh dijadikan model penyelesaian bagi isu-isu lain yang bergantung kepada adat atau perilaku setempat, contohnya zakat perniagaan moden, penilaian harta digital, serta uruf dalam muamalat. Pendekatan yang berasaskan pemerhatian

empirikal ini membantu mengurangkan jurang antara teks hukum dan realiti masyarakat, seterusnya mengukuhkan keberkesanan pelaksanaan syariah dalam masyarakat moden.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan keberkesanan kaedah *istiqra'* sebagai metodologi fiqh induktif dalam menentukan kadar uruf zakat emas perhiasan di Malaysia. Pendekatan ini memastikan hukum yang ditetapkan adalah selaras dengan adat setempat, mencerminkan keadilan, serta memelihara kemaslahatan masyarakat wanita Muslim yang menjadi kelompok utama pengguna emas. *Istiqra'* bukan sahaja menyokong peranan uruf sebagai sumber hukum, tetapi juga memperkukuh kesesuaian hukum dengan maqasid syariah melalui pertimbangan sosial, budaya dan ekonomi.

Kajian mencadangkan agar institusi zakat negeri dan Majlis Fatwa Kebangsaan melaksanakan pemantauan berkala terhadap perubahan trend pemakaian emas, agar penetapan uruf kekal relevan mengikut perubahan masa. Selain itu, penyediaan garis panduan nasional yang bersifat kerangka boleh membantu meningkatkan kefahaman masyarakat tanpa menjejaskan fleksibiliti adat di setiap negeri. Dengan itu, hukum zakat emas perhiasan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, adil dan berpaksikan prinsip syariah yang komprehensif.

Kajian lanjut disarankan untuk meneroka aplikasi kaedah *istiqra'* dalam konteks zakat harta lain. Kajian empirikal yang melibatkan data lapangan, temu bual pihak berautoriti serta analisis perbandingan antara negara Islam juga berpotensi memperkukuh pemahaman dinamik penetapan uruf secara lebih menyeluruh. Penyelidikan rentas disiplin yang menggabungkan perspektif fiqh, sosiologi dan ekonomi Islam dapat membantu membangunkan kerangka penilaian uruf yang lebih responsif terhadap perubahan sosial, sekali gus menyokong keberkesanan pelaksanaan zakat dalam konteks masyarakat Muslim kontemporari.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan kewangan yang diterima daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Geran Padanan (Matching Grant) Q.J130000.3053.05M03. Penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), UTM atas bimbingan, kepakaran serta panduan yang amat bernilai

dalam memastikan kelancaran dan kejayaan penghasilan artikel ini. Segala kerjasama dan sokongan yang diberikan amat dihargai dan menjadi pemangkin kepada usaha penulisan ilmiah yang berterusan.

RUJUKAN

- Ab Rahman, S. M., Setapa, M., Ahmad Tajuddin, N. H., & Mohd Zaki, A. N. (2024). Zakat on gold practices in Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(62), 1 – 11.
- Ahmad, S. & Nazri, S. M. (2024). Zakat On Gold Jewellery: Case Of Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 72-84.
- Al-Alwani, T. J. (2001). *Metodologi hukum Islam kontemporer* (Cet. 1). Yogyakarta: UII Press.
- Al-Amidi, A. (2003). *Al-ihkam fi usul al-ahkam*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bakri, Z. M. (2011). *Al-Fiqh al-Manhaji: Ibadat Dalam Fiqh Al Syafi'i*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Al-Ghazali, A. H. M. (1997). *Al-Mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Y. (2006). *Fiqh al-zakah: A comparative study of zakah, regulations and philosophy in the light of Qur'an and Sunnah (2nd ed.)*. Islamic Book Trust.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din. (2010). *Kitab al-furuq aw Anwar al-buruq fi anwa' al-furuq (3rd ed.)*. Edited by Muhammad Sarraj and 'Ali Jumu'a. Cairo: Dar al-Salam.
- Al-Shatibi, A. I. (2003). *Al-muwafaqat fi usul al-Shariah*. Dar Ibn 'Affan.
- Al-Subki, T. al-D. (1983). *Al-ashbah wa-al-naza'ir*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali, S., Jamalurus, H. L., Abd Rahim, H. & Mohd Nasir, N. S. (2024). Bibliometric Analysis of Zakat Literature: Exploring Research Trends and Factors Influencing Zakat Payment. *Journal of Islamic Finance*, 13(2), 1-21.
- Az-Zuhaili, W. (2021). *Terjemah fiqh Islam wa adillatuhu* [E-book]. Maktabah Az Zaen.

- Azhar, A., Hussain, M. A., Md. Nor, M. Z., & Othman, M. K. (2017). Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah: Satu Tinjauan: [Fatawa Research In The Framework Of The Maqasid Al-Sharia: An Overview]. *Ulum Islamiyyah*, 20, 47–65. <https://doi.org/10.33102/uij.vol20no0.40>
- Aziz, S. N. A., Abd Rahim, S., Razaly, M. Z., Redzuan, M. A., Aziz, A., & Abdul Rashid, K. A. (2025). Narrative Study Of Zakat Gold Jewelry (Al-Huli): Gold Mixing Issue: Kajian Naratif Zakat Emas Perhiasan (Al-Huli): Isu Percampuran Emas. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(01), 215–227. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/1028>
- Harun, M. S., Abdullah, L. H., Rosele, M. I., & Ali, A. K. (2020). Analisis kaedah taghāyyur al-hukm bi taghāyyur al-zamān wa al-makān (al-‘urf) dalam hukum Islam dari perspektif maqāsid al-sharī‘ah. *Jurnal Ilmi*, 10(1), 31-46. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/785/630>
- Hasan Mu‘arif Ambari. (1996). Istiqra’. Dlm. Abdul Aziz Dahlan et al. (eds.), *Suplemen Ensiklopedia Islam* (p. 257). Jakarta: PT Ikhtiar Baru Van Hoeve.
- Hassan, S. A. & Alias, M. S. (2017). Strategi Penyelidikan Islam Berdasarkan Kaedah Penaakulan dalam Ilmu Mantik. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 1(2), 19-25. <https://journal.unisza.edu.my/mjis/index.php/mjis/article/view/19>
- Ibn ‘Abidin, M. A. (2003). *Radd al-muhtar ‘ala al-durr al-mukhtar sharh tanwir al-absar* (M. A. ‘Abd al-Qadir, Ed.). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, M. (2003). *Al-mughni*. Dar Alam al-Kutub.
- Ibnu Taimiyah (1998). *Majmu’ Al-Fatawa*. Jilid 29. Riyadh: Ubaikan.
- Imam al-Syafi‘i, M. I. (2004). Ringkasan Kitab al-Umm (Jilid 1) (H. A. H. Abu Nashir Nail, Ringkasan & penelitian; M. Y. Abd Muthalib & A. Arlin, Trans.). Pustaka Imam Asy-Syafi‘i. (Karya asal: Mukhtashar Kitab al-Umm fi al-Fiqh)
- Imam Nawawi. (2009). *Al-Majmu’ [Syarah al-Muhadzdzab] (Jilid 6)*. Buku Islam Rahmatan. (Karya asal: Al-Muhadzab oleh Abu Ishaq al-Syirazi)
- Isman & Yahya. (2022). Istiqra’ al-ma’nawī: a multicultural judicial reasoning. *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam Dan Kemanusiaan*, 22(1), 95–116. <https://doi.org/10.18326/ijtihad.v22i1.95-116>

- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2024). *Garis panduan kadar uruf pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam*. Jabatan Perdana Menteri.
- Jahangir, R. & Bulut, M. (2022). Estimation Of Zakat Proceeds In Bangladesh: A Two-Approach Attempt. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 8(1), 133 – 148.
- Kamali, M. H. (2003). *Principles of Islamic jurisprudence* (2nd ed.). The Islamic Texts Society.
- Makhsin, M., Ismail, N. H., Narawi, S. M. S., Othman, A., & Ilias, M. F. b. (2021). Educating zakat calculation of gold jewelry through the Malaysian zakat institution website. *Central Asia and the Caucasus*, 22(5), 106–117. <https://doi.org/10.37178/ca-c.21.5.011>
- Masarat (t.t.). *Zakat on Gold According to the Hanafi School (Its Rulings and Calculation Method)*. Masarat Initiative. <https://masarat-sy.org/en/zakat-on-goldhanafi/>
- Md Ariffin, N. M. F. (2016). Difference of using 'urf on gold jewellery of zakah: A study in Selangor and Malacca. *AT-TARADHI Jurnal Studi Ekonomi*, 7(1), 1-22. <https://doi.org/10.18592/at-taradhi.v7i1.1976>
- Mohamad Helni & Mohamad Ikmal Hakimi. (2024). *Terjemahan Fiqh Zakat Dr. Yusuf Al-Qaradawi*. Johor: Penerbit UTHM.
- Muhammad, I. (2019). Analysis Of Zakat System in High-Income Islamic Countries. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 16(2), 1-11.
- Muhammad Shahrul Ifwat Ishak. (2020). *Maqasid al-Shari'ah in Islamic finance: Theory and application*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Nordin, T., Saro, N., & Yusof, R. M. (2018). Urf zakat gold jewellery: Practices in Malaysia. *Sci.Int.(Lahore)*, 30(1), 27–31. <https://www.sci-int.com/pdf/636539822338513366.edited.pdf>
- Nordin, T., Saro, N., & Yusof, R. M. (2019). Profiling of 'Urf Zakat on Gold Jewelry in Malaysia. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(4), 226–232.
- PMWP. (2015, 7 Julai). *Irsyad Hukum Ke-38: Adakah Dikenakan Zakat Perhiasan Wanita?* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/1980-irsyad-fatwa-ke-38-adakah-dikenakan-zakat-perhiasan-wanita>

- PMWP. (2018). *Irsyad Usul al-Fiqh Siri Ke-30: Maksud dan Makna Istiqra'*. <https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-usul-fiqh/2937-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-30-maksud-dan-makna-istiqra>
- Rosele, M. N., Noor, M. A. M., & Wahid, H. (2019). Cadangan Penyetaraan Ukuran Nisab Zakat Emas Perhiasan di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 309–332. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.288>
- Rusli, M. F. (2019, 10 Januari). *Irsyad Usul al-Feqh Siri ke-31: Hukum berubah mengikut perubahan masa dan tempat*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3003-irsyad-usul-al-feqh-siri-ke-31-hukum-berubah-mengikut-perubahan-masa-dan-tempat>
- Sheikh Abdullah Basmeih. (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Syarif Hidayatullah. (2012). *Al-Istiqra' di Kalangan Ahli Ushul Fiqih*. Indonesia: Jakarta.
- Tuan Mahmood, T. M. A., Mohd Din, N., Al Mamun, A., & Ibrahim, M. D. (2021). Issues And Challenges Of Zakat Institutions Achieving Maqasid Syariah In Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 2(1), 119-137. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no1.46>
- Zaydan, A. K. (2004). *Al-zakah wa aḥkamuha fi al-Islam*. Mu'assasah al-Risalah.